

Pencarum diingatkan berwaspada melabur - PM

KUALA LUMPUR 6 Ogos - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mengingatkan pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) supaya berhati-hati jika ingin membuat pelaburan dalam unit amanah kerana risiko kerugian akan ditanggung sendiri.

Perdana Menteri berkata, pencarum harus ingat bahawa wang yang disimpan itu adalah untuk kegunaan masa depan tertamanya selepas bersara.

"Tetapi, kalau dia (pencarum) ambil wang itu untuk nak membuat pelaburan ataupun nak simpan di tempat lain yang memberijaminan pulangnya yang lebih tinggi berhati-hatilah, itu yang penting. "Walaupun itu wang dia (pencarum), dia nak buat apa suka dialah, tapi dia kena fikirilah apa akan jadi pada diri dia nanti,"

katanya.

Beliau menambah, wang yang ada dalam KWSP jika digunakan dengan berhati-hati, dan berhemah akan membolehkan pencarum menikmati keselesaan hidup selepas bersara.

Bercakap pada sidang akhbar selepas Majlis Perasmian Liga Sukan Komuniti 2006 di Padang Semarak Angkasapuri, di sini, beliau berkata, pencarum tidak boleh menuduh mana-mana pihak berhubung kerugian yang mereka alami itu.

Abdullah berkata demikian ketika diminta mengulas laporan muka depan *Mingguan Malaysia* mengenai kira-kira RM600 juta wang milik pencarum KWSP yang dilaburkan ke dalam unit amanah mengalami kerugian.

Kerugian itu melibatkan kira-kira 80

peratus pencarum yang membuat pelaburan.

Jumlah dana terkumpul yang dikeluarkan para pencarum KWSP sejak skim itu mula diperkenalkan pada 1996 ialah RM9.76 bilion.

Bagaimanapun sehingga Disember tahun lalu, angkanya menyusut kepada RM9.15 bilion.

Sehingga kini, terdapat 42 institusi pengurusan dana yang dilantik dan boleh menguruskan unit saham amanah untuk pencarum.

Melalui skim itu, anggota KWSP yang mempunyai simpanan minimum RM55,000 dalam akaun satu (Akaun Persaraan) boleh melaburkan sendiri sebahagian daripada jumlah simpanan itu melalui institusi pengurusan dana yang diluluskan oleh Ke-

menterian Kewangan.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan berkata, pencarum yang mengambil keputusan melabur harus mengambil kira risiko.

"Pencarum pindah wang daripada KWSP beri kepada unit trust (unit amanah) dan dia (pencarum) rugi, itu adalah risiko yang dia ambil dan apa sebab dia rugi mungkin unit trust itu tidak maju dan tak berjaya," jelas beliau.

Beliau memberitahu, ramai pencarum yang mengambil duit KWSP untuk dibelanjakan bagi tujuan-tujuan tertentu.

Abdullah bagaimanapun sekali lagi menasihatkan pencarum berhati-hati dalam membuat pelaburan bukan sahaja kepada unit amanah tetapi untuk tujuan-tujuan lain.